

Tunda program bantu penduduk

■ Sukarelawan PMO dan UPM turun padang bersih rumah mangsa banjir

Oleh **NAZIRUL ROSELAN**
am@mediaprima.com.my
Bera

Prihatin dengan nasib penduduk yang terjejas akibat banjir di negeri ini, sukarelawan Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) turun padang membersihkan rumah penduduk di Kampung Mengkarak, dekat sini, semalam.

Diketuai Setiausaha Sulit Perdana Menteri Datuk Mohd Fuad Jelani, seramai 20 sukarelawan dari PMO dan 15 dari UPM bukan saja bergotong-royong membersihkan kediaman penduduk,

bahkan menyampaikan bantuan barangan keperluan asas kepada penduduk kampung.

Program itu turut disertai Pengarah Urusan UPM Holdings Profesor Dr Husaini Omar dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas negeri Norol Azali Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guai.

Sementara itu, wakil sukarelawan PMO Husnita Hussien, 37, berkata, kampung itu adalah lokasi kedua mereka selepas berada di Pekan, minggu lalu.

“Sepatutnya kami dari

PMO ada program bantuan lain minggu ini, namun ia ditunda selepas memikirkan program gotong-royong membantu penduduk terjejas akibat banjir lebih penting. Kami harap usaha ini mampu mengurangkan beban mangsa,” katanya.

Dalam pada itu, Husaini berkata, UPM sentiasa prihatin dan menyertai program tanggungjawab sosial korporat untuk membantu mereka yang memerlukan.

Selain membawa pelajar

tempatan, mereka membawa empat pelajar antarabangsa menyertai program kali ini bagi memberi peluang kepada mereka melihat amalan gotong-royong yang subur di negara ini.



SUKARELAWAN membantu memberseihkan rumah mangsa bencana.



Cuma tinggal 19 keluarga

Johor Bahru: Hanya 69 mangsa masih ditempatkan di dua pusat pemindahan banjir di Segamat sehingga jam 5 petang semalam.

Mereka membabitkan 19 keluarga dan dijangka pulang ke rumah masing-masing dalam tempoh terdekat.

Padamasa sama, tiada jalan ditutup akibat banjir di daerah berkenaan. Selain itu, bilik gerakan banjir di Segamat dan Johor Bahru juga ditutup kelmarin.